

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TACK [ BENTONG ]**

**SOALAN NO. 490**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah Projek FELDA 2.0 dan projek rumah generasi kedua yang telah dimulakan di FELDA Lurah Bilut akan disambung semula. Jika ya, bila.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Perintis FELDA 2.0 yang dijalankan di FELDA Lurah Bilut, Bentong, Pahang masih diteruskan seperti perancangan di mana sehingga Jun 2019 kemajuan keseluruhan projek mencapai 40% daripada tempoh pelaksanaan selama lima (5) tahun (2018 hingga 2022).
  
2. Sehingga pertengahan tahun ini, FELDA telah memulakan proses tender projek pasar basah di samping menyiapkan kerja-kerja pendigitalan bahan sejarah Muzium FELDA di Lurah Bilut. Selain itu, program-program bersama Rakan Muafakat FELDA seperti Bilut CIMB Islamic Entrepreneurship Program (BiCEP), Program Pemuliharaan dan Pemeliharaan Sungai Bilut oleh Yayasan Hasanah dan Program Eco-Free Market masih berjalan dan memberi manfaat secara terus kepada golongan sasar dikalangan masyarakat berbilang bangsa di Lurah Bilut.

**NO. SOALAN : 490**

3. Berkaitan projek Perumahan 1 FELDA (P1F) adalah projek usahasama FELDA dengan pemaju luar yang berbentuk pembangunan komersial dan pelaksanaan pembangunan ini dilihat mendatangkan keuntungan kepada FELDA.
4. Sebanyak 30 unit di tapak FELDA Lurah Bilut akan diteruskan pembinaan pada penghujung suku tahun 2020 selepas kelulusan permohonan pembatalan GSA diperoleh daripada Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.